

## **RESENSI BUKU**

**Oleh Dr. Ab Samad Bin Kechot  
PPBKKKM, FSSK, UKM**

**Tajuk Buku:**

**‘ASAS KEBUDAYAAN DAN KESENIAN MELAYU’  
Suntingan Anwar Din. 2007. UKM: Bangi (273 Halaman).**

*Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu* mensasarkan para pelajar, ahli akademik, penggubal dasar, perancang dan peminat bidang kebudayaan serta kesenian sebagai pembaca utamanya. Buku ini disunting oleh Anwar Din dan ditulis oleh beberapa orang pensyarah dari Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Melalui buku ini, Anwar Din selaku penyunting cuba menjelaskan dan menghujah tentang orang Melayu. Dalam prakata di awal penulisan, beliau mendakwa sehingga ke hari ini masih belum terdapat pengesahan yang sahih tentang orang Melayu. Malah beberapa pandangan daripada para sarjana khususnya dari Barat mengenai asal-usul orang Melayu dipertikaikan. Oleh yang demikian, penyunting menyarankan agar ‘sifat asasi’ orang Melayu itu perlulah difahami sebelum membincangkan hal-hal berkaitan dengan orang Melayu. Sehubungan itu, buku ini yang membincangkan hal-hal berkenaan sifat asasi orang Melayu berusaha menghuraikan isu-isu tersebut. Dalam pada itu, isu dan persoalan pembangunan kebudayaan Melayu dan agensi yang terlibat mengenainya juga disentuh dalam buku ini.

Buku ini secara organisasinya dibahagikan kepada enam bahagian. Setiap bahagian mempunyai tajuk khusus yang diperincikan melalui beberapa bab tertentu. Bahagian satu di bawah tajuk ‘Konsep dan Teori Kebudayaan’ dipecahkan kepada tiga bab, bahagian kedua di bawah tajuk ‘Konsep dan Teori Kesenian’ dipecahkan kepada dua bab, bahagian ketiga di bawah tajuk ‘Etos’ dipecahkan kepada dua bab, bahagian keempat di bawah tajuk ‘Ritual’ satu bab, bahagian kelima bertajuk ‘Beberapa Kesenian’ dipecahkan kepada empat bab dan bahagian akhir yang bertajuk ‘Pembangunan Kebudayaan’ dipecahkan kepada dua bab.

Bahagian pertama dan kedua bolehlah dianggap sebagai teras kepada tema buku ini. Bahagian ini membincarkan perkara-perkara asas mengenai kebudayaan dan kesenian. Persoalan konsep dan teori menjadi perkara pokok dalam bahagian pertama dan kedua. Perbincangan yang agak mendalam berkaitan hal-hal konsep, definisi, teori dan perkembangan telah dibuat dengan menyentuh tentang asal usul, termasuk perkembangan sesuatu teori kebudayaan dan kesenian.

Dalam bab satu bahagian pertama, penulis berusaha menerangkan asal usul orang Melayu melalui beberapa pandangan daripada para sarjana. Penulis sendiri berpendapat dan menegaskan dalam konteks Malaysia, konsep Melayu itu bersifat jelas atau definitif dan ditentukan oleh agama Islam. Definisi Melayu berasaskan perundangan (Perkara 160 (2) dalam Perlembagaan Persekutuan) menjadi pegangan penulis bagi menjelaskan mengenai orang Melayu.

Bab kedua buku ini meneroka secara asas hal-hal mengenai kebudayaan dan hubungan antara adat dengan kebudayaan. Konsep kebudayaan kebangsaan dan institusi yang terlibat mengenainya juga disentuh. Bab ketiga pula menumpukan perbincangan mengenai teori-teori kebudayaan. Perbincangan dalam bab ketiga merangkumi perkara-perkara berkaitan asas usul teori, perkembangan teori, penggunaan teori dan kesesuaian teori-teori kebudayaan dalam membincangkan pelbagai persoalan masyarakat Melayu. Sebagai contoh, penulis menjelaskan teori evolusinisme dari Barat yang menyentuh mengenai perkembangan sesuatu kebudayaan sebenarnya bertujuan menjajah sesuatu negara. Teori yang mirip kepada pemikiran Charles Darwin berhubung asal usul manusia diragui oleh penulis bagi membincangkan perkembangan kebudayaan Melayu. Oleh yang demikian, disarankan penggunaan teori berkenaan perlulah terbatas pada bingkainya, tidak pada ideologi dan falsafahnya (Anwar Din: 47).

Bahagian kedua buku ini, memuatkan konsep dan teori kesenian. Terdapat dua bab khusus dalam bahagian ini iaitu bab empat yang bertajuk ‘Kesenian: Konsep, Aliran dan Kritikan’ dan bab lima ‘Islam dalam Kebudayaan Melayu’. Bab empat membincangkan secara ilmiah berkaitan kesenian. Penulis menjelaskan kesenian dengan

memperincikannya kepada beberapa topik kecil antaranya ‘Konsep Kesenian’, ‘Genre Kesenian’, ‘Aspek Karya: Unsur Dalaman dan Luaran’, ‘Khalayak dan Resepsi’, ‘Apresiasi Seni’, ‘Estetika’ dan beberapa teori kesenian. Kesemua topik mengenai kesenian telah dirungkai oleh penulis melalui beberapa aspek terpilih. Dinyatakan juga mengenai kepentingan teori-teori kesenian untuk dipelajari dan difahami. Oleh itu, kaitan teori berkaitan bagi menjelaskan kesenian Melayu telah disentuh oleh penulis.

Bab lima lebih berfokus kepada Islam sebagai unsur dalam kebudayaan Melayu termasuk aspek kesenian. Penulis menggunakan sumber ilmu dalam Islam, iaitu al-Quran dan al-Hadis (sunnah) sebagai rujukan bagi meneliti dan menerangkan konsep kesenian Islam. Perkara ini merupakan pendekatan yang baik kerana Islam itu jelas berlandaskan empat sumber ilmu iaitu al-Quran, as-Sunnah, Ijtihad dan Ijmak. Pengukuhan mengenai konsep kesenian Islam pasti menjadi lebih menarik untuk diselusuri sekiranya penulis berjaya memperolehi dan mencatat pandangan para sarjana Islam mengenai konsep kesenian Islam. Ia bersesuaian dengan hujahan penulis sendiri bahawa hasil seni lahir daripada sejarah peradaban dan kehidupan masyarakat pendokongnya. Oleh yang demikian, sudah tentu bentuk pertama dalam konteks kesenian Islam dalam kebudayaan Melayu sebagaimana yang dinyatakan oleh penulis (Anwar Din: 92) iaitu karya dan amalan warisan lama adalah didokong oleh peradaban Islam yang telah lama wujud. Sehubungan itu, sudah tentu dalam peradaban Islam berkaitan terdapat para tokoh atau sarjana Islam yang telah membicarakan mengenai konsep kesenian Islam. Namun ketiadaan pandangan para sarjana berkaitan tidaklah mencacatkan perbincangan mengenai konsep kesenian Islam pada bab lima dalam buku ini.

Bahagian tiga buku ini yang merangkumi bab enam dan tujuh menyingskap isu dan persoalan etos, bahasa dan tataadab masyarakat Melayu. Bab enam ditulis oleh Hanapi Dollah, cuba memberi pengertian mengenai makna etos. Di awal penulisan diterangkan mengenai etos daripada sudut epistemologinya. Etos dikatakan berasal daripada perkataan Yunani membawa maksud sifat atau ciri sesuatu masyarakat. Dalam buku ini, etos disamaertikan sebagai budaya yang membawa maksud sistem nilai

sesebuah masyarakat. Penulis mengajak pembaca menyelami pengertian etos atau sistem nilai sesebuah masyarakat melalui pandangan beberapa sarjana Barat daripada disiplin antropologi dan sosiologi. Pandangan tokoh seperti Raymond Firth (antropologis) dan Max Weber (sosiologis) dijadikan rujukan bagi menjelaskan sistem nilai. Seterusnya bab ini menerangkan mengenai kepentingan etos atau sistem nilai dalam sesebuah masyarakat. Antara lain etos dijelaskan sebagai kontrak sosial yang berperanan mengikat sesuatu sistem kehidupan kepada suatu sistem nilai tertentu dan dipersetujui bersama dalam sesebuah masyarakat. Pernyataan ini dikukuhkan dengan pandangan beberapa sarjana termasuk sarjana Islam seperti Ibn Khaldun (1996). Melalui etos, dikatakan sistem kehidupan manusia dalam sesebuah masyarakat akan dapat berjalan dengan lancar dan terkawal. Pembentukan dan perubahan etos dalam sesebuah masyarakat juga dibincangkan dalam buku ini. Jenis atau bentuk-bentuk kewujudan etos dalam sesebuah masyarakat turut dibincangkan oleh penulis. Antara bentuk etos atau sistem nilai yang dibicarakan ialah etos dalam masyarakat tradisional dan etos dalam masyarakat moden. Perbilangan Melayu digunakan untuk menjelaskan beberapa bentuk etos, khususnya dalam masyarakat Melayu tradisional.

Bab tujuh yang ditulis oleh Teo Kok Seong menyingkap persoalan bahasa dan tataadab atau kesopanan berbahasa dalam masyarakat Melayu. Dijelaskan dalam bab ini berhubungan dengan hal-hal yang menjadi tabu atau larangan dalam berbahasa. Seterusnya penulis dalam bab ini membincangkan perkara-perkara seperti rumus percakapan, perlakuan bahasa bukan verbal dan manifestasi tataadab berbahasa dalam masyarakat Melayu. Turut dibincangkan ialah perubahan dan pengubahsuaian yang berlaku dalam proses berbahasa di kalangan masyarakat Melayu. Hal ini menjadikan bab ini sebagai satu penerangan lengkap mengenai interaksi berbahasa dan kaedah penggunaan bahasa di kalangan masyarakat Melayu khususnya.

Bahagian empat yang hanya mempunyai satu bab, iaitu bab lapan cuba meneroka hal-hal berkaitan ritual dan perayaan. Bab ini yang ditulis oleh Hanapi Dollah dan Mohd. Nazri Ahmad mengisahkan mengenai perkembangan, pengaruh dan fungsi ritual dalam masyarakat Melayu. Turut dibincangkan ialah perubahan-perubahan yang berlaku dalam

amalan ritual masyarakat Melayu tradisional akibat daripada beberapa faktor, termasuk penyerapan pengaruh dari luar. Aktiviti yang berlaku dalam sesuatu amalan ritual dijelaskan dalam bab ini, malah diterangkan peranan individu atau tokoh tertentu seperti bomoh, imam, bidan dan seumpamanya dalam sesuatu upacara atau amalan ritual. Beberapa contoh mengenai amalan ritual masyarakat Melayu dicatatkan dalam bab ini, seperti upacara perkahwinan, kehamilan dan kelahiran, bersunat serta pertabalan. Sementara itu, bab ini juga membincangkan beberapa amalan perayaan dalam masyarakat Melayu.

Bahagian kelima buku ini mengutarakan beberapa bab yang membincangkan bentuk-bentuk aktiviti kesenian tertentu. Bab sembilan yang ditulis oleh Siti Zainon Ismail membincangkan mengenai seni gerak iaitu jenis-jenis sejarah, perkembangan dan peranan seni gerak dalam masyarakat Melayu. Dalam bab ini, rujukan kepada teks sastera klasik seperti *Hikayat Hang Tuah* (Kassim 1966) dan *Hikayat Malim Dewa* (Bottoms 1963) digunakan untuk menunjukkan perihal seni gerak dalam masyarakat Melayu lama.

Solehah Ishak menulis mengenai seni teater dalam bab sepuluh buku ini. Seni teater yang dibincangkan dalam bab ini dibahagikan kepada teater tradisional dan teater moden. Penulis menyingkap sejarah perkembangan kedua-dua jenis seni teater tersebut dalam konteks Malaysia. Penulis memperincikan bagaimana sesuatu persembahan teater itu dipertontonkan dan menjelaskan. Elemen atau unsur-unsur yang terlibat dalam sesuatu persembahan. Beberapa orang tokoh yang terlibat secara langsung dalam persembahan teater turut dicatatkan menjadikan bab ini mampu membantu menyelongkar isu-isu yang berkaitan dengan teater.

Bab kesebelas yang ditulis oleh Siti Zainon Ismail membincangkan tentang seni suara dan muzik. Bab ini membicarakan persoalan konsep seni suara dan asal usul seni suara dan muzik masyarakat Melayu. Pandangan beberapa sarjana mengenai seni muzik tradisional seperti Amin Sweeney (1974), Mubin Sheppard (1978) dan Wan Abdul Kadir (1988) dijadikan rujukan. Bab ini juga menerangkan tentang pengaruh yang wujud

dalam seni muzik dan nyanyian masyarakat Melayu khususnya tentang penggunaan peralatan muzik sama ada yang bersifat tempatan mahupun yang dibawa dari luar. Namun dirumuskan dalam bab ini bahawa walaupun wujud pengaruh luar terhadap seni suara dan muzik masyarakat Melayu, sumbangsan seniman tempatan terhadap seni suara dan muzik tidak boleh diketepikan.

Bab 12 buku ini menyentuh mengenai ‘Seni Rupa’. Penulis, Siti Zainon Ismail meninjau persoalan seni rupa masyarakat Melayu daripada sudut persejarahan, perkembangan, penyebaran, bentuk dan jenis penggunaan serta taburan hasil seni rupa dalam konteks rantau ini. Perbincangan mengenai pengaruh yang terdapat dalam penciptaan hasil seni rupa Melayu juga ditinjau oleh penulis. Pengaruh yang dimaksudkan di sini bukan sahaja berpunca dari luar yang berbentuk fizikal tetapi juga pengaruh dalam bentuk penghayatan terhadap alam sekitar dan alam ghaib. Makna yang tersurat dan tersirat di sebalik penghasilan sesuatu bentuk seni rupa turut disentuh oleh penulis melalui penyataan mengenai kegiatan estetik yang melibatkan perlakuan kebijaksanaan, sensitiviti dan kreativiti (Collingswood 1974). Penerokaan yang dibuat oleh penulis secara langsung berjaya menggali bukan sahaja konsep seni rupa masyarakat Melayu tetapi juga mendedahkan susur galur, ruang lingkup dan falsafah sesuatu bentuk seni rupa berkenaan.

Bahagian enam (bab 13 dan 14) di bawah tajuk ‘Pembangunan kebudayaan’ menjelaskan persoalan-persoalan yang berhubungan dengan pembangunan kebudayaan sendiri dan pembangunan kraf Melayu. Bab 13 yang bertajuk ‘Pembangunan Kebudayaan’ ditulis oleh Anwar Din. Dalam bab ini, penulis memulakan perbincangan mengenai maksud kebudayaan dalam konteks masyarakat Melayu. Ungkapan pembangunan kebudayaan itu sendiri dijelaskan mempunyai beberapa pengertian tertentu. Bab ini lebih menumpukan perbincangan mengenai pembangunan kebudayaan yang membawa maksud pembangunan bidang kesenian, upacara, acara, keramaian dan hasil budaya yang berakar daripada warisan lama. Dalam membincangkan perkara tersebut, penulis telah menyentuh mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan institusi-institusi yang terlibat dengan pembangunan kebudayaan. Malah struktur

organisasi, institusi berkaitan juga disentuh dalam bab ini. Sejarah perkembangan pembangunan kebudayaan dengan penglibatan tokoh, kelompok elit dan pemimpin kerajaan pada zaman selepas kemerdekaan menjadi fokus perbincangan. Penulis juga merungkai hubungan sifat jentera pentadbiran Malaysia yang melibatkan entiti pentadbiran di peringkat pusat, negeri dan kerajaan tempatan dengan usaha-usaha pembangunan kebudayaan. Seterusnya pelaksanaan, lokasi dan acara kesenian berkaitan secara langsung dibicarakan juga oleh penulis dalam bab 13.

Bab 14 yang merupakan bab terakhir menyentuh perihal dan isu-isu kesenian masyarakat Melayu. Aspek pembangunan kraf Melayu menjadi fokus perbincangan dalam bab ini. Bahagian awal bab ini membincangkan tentang sejarah perkembangan keusahawanan kraf Melayu. Melalui bukti peristiwa berdasarkan catatan-catatan para tokoh penjajah di Tanah Melayu, penulis berusaha mengesahkan bahawa keusahawan kraf Melayu telah lama wujud. Kemudian penulis membincarakan tentang tahap-tahap pembangunan kraf Melayu, bermula sejak sebelum merdeka sehingga ke era pasca-Dasar Ekonomi Baru. Pola, corak dan bentuk keusahawanan kraf Melayu secara langsung diperjelaskan oleh penulis. Malah ciri-ciri dan sifat kraf masyarakat Melayu termasuk kaum peribumi di Sabah dan Sarawak tidak ketinggalan disentuh dalam bab ini.

Bab-bab yang ditulis dalam buku ini boleh membantu para pembaca menerokai beberapa aspek dalam kebudayaan dan kesenian Melayu. Gaya penulisan yang mudah dan tinjauan yang jelas oleh para penulis dalam buku ini memudahkan pemahaman mengenai perkara-perkara yang dibincangkan. Setiap bab dalam buku ini mempunyai kekuatan tersendiri sementara hujah dan soroton karya yang dirujuk mampu menjelaskan sesuatu perkara.

Secara keseluruhannya, penerbitan buku ini amat bersesuaian dan tepat pada masanya. Pada masa ini, bahan-bahan berkaitan seni budaya Melayu khususnya dalam bentuk penulisan ilmiah amatlah kurang. Oleh yang demikian, buku ini bukan sahaja menambah koleksi penerbitan ilmiah mengenai kebudayaan dan kesenian Melayu, malah

membuka peluang dan ruang serta menjadi pemangkin kepada penulisan-penulisan berkaitan seni budaya Melayu pada masa akan datang.

### **Rujukan:**

- Collingswood, R.G. 1974. *The Principles of Arts*. London: Oxford University Press.
- Hikayat Hang Tuah*. 1966. Kassim Ahmad (Penyelenggara). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hikayat Malim Dewa. 1963. J.C. Bottoms (Penyelenggara). Petaling Jaya: Oxford University Press.
- Ibn Khaldun. 1980. *Mukadimah* (Terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sheppard, M. 1978. *Living Crafts of Malaysia*. Singapore: Times Books.
- Sweeney, Amin. 1974. *The Rama Repertoire in the Kelantan Shadow Play*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Abdul Kadir. 1988. *Budaya Popular dalam Masyarakat Melayu Perbandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.